

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

ZMC 211/3 Kaedah Matematik II

Masa: [3 jam]

---

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.  
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Takrifkan suatu skalar dan vektor.  
Beri contoh bagi setiap satunya. (10/100)
- (b) Juga takrifkan hasil darab noktah dan hasil  
darab pangkah untuk dua vektor  $\tilde{A}$  dan  $\tilde{B}$ . (10/100)
- (c) Cari hasil darab skalar dan pangkah untuk dua  
vektor  $\tilde{A}$  dan  $\tilde{B}$ , di sini  $\tilde{A} = 2\mathbf{i} + \mathbf{j} + \mathbf{k}$  dan  
 $\tilde{B} = 4\mathbf{i} + 2\mathbf{j} - 3\mathbf{k}$ . Juga dapatkan sudut di antara  
vektor  $\tilde{A}$  dan  $\tilde{B}$  itu. (20/100)
- (d) Dengan menggunakan perwakilan komponen bagi vektor,  
tunjukkan bahawa
- $$\tilde{A} \times (\tilde{B} \times \tilde{C}) = (\tilde{A} \cdot \tilde{C})\tilde{B} - (\tilde{A} \cdot \tilde{B})\tilde{C} \quad (30/100)$$
- (e) Katakan  $\tilde{a}_1 = [-1, 1, 1]$ ,  $\tilde{a}_2 = [1, -1, 1]$   
dan  $\tilde{a}_3 = [1, 1, -1]$
- (i) tunjukkan bahawa  $\tilde{a}_1$ ,  $\tilde{a}_2$  dan  $\tilde{a}_3$  membentuk  
suatu asas. (5/100)

... 2/-

- (ii) Dapatkan suatu asas salingan kepada vektor  $\underline{a}_1$ ,  $\underline{a}_2$  dan  $\underline{a}_3$ .

(25/100)

2. (a) Suatu zarah bergerak sepanjang suatu lengkung yang persamaan berparameternya ialah  $x = e^{-t}$ ,  $y = 2 \cos 3t$ ,  $z = 2 \sin 3t$ , di sini  $t$  ialah masa.

- (i) Tentukan halaju dan pecutan zarah tersebut pada sebarang masa.

(10/100)

- (ii) Cari magnitud halaju dan pecutan pada  $t = 0$ .

(10/100)

- (b) Nilaikan  $\nabla \cdot \underline{r}$  dan  $\nabla \underline{r}^n$

(25/100)

- (c) Tunjukkan bahawa  $\underline{r}^n$  adalah suatu vektor tak putaran bagi sebarang nilai  $n$ , tetapi ia merupakan solenoidal hanya jika  $n = 3$ .

(20/100)

- (d) Jika  $\nabla \cdot \underline{E} = 0$ ,  $\nabla \cdot \underline{H} = 0$ ,  $\nabla \times \underline{E} = - \frac{\partial \underline{H}}{\partial t}$

$$\nabla \times \underline{H} = \frac{\partial \underline{E}}{\partial t}$$

tunjukkan bahawa  $\underline{E}$  dan  $\underline{H}$  memenuhi

$$\nabla^2 \underline{u} = \frac{\partial^2 \underline{u}}{\partial t^2} \quad \text{di sini } \underline{u} = (\underline{E} \text{ dan } \underline{H})$$

(35/100)

[perhatikan  $\nabla \times (\nabla \times \underline{A}) = -\nabla^2 \underline{A} + \nabla(\nabla \cdot \underline{A})$   
bagi sebarang vektor  $\underline{A}$ ]

3. (a) Jika  $\underline{F} = \nabla \phi$  diseluruh rantau  $R$  di dalam ruang, di sini  $\phi(x, y, z)$  adalah suatu fungsi bernilai tunggal dan mempunyai terbitan selanjar di dalam  $R$ , tunjukkan bahawa

... 3/-

(i)  $\int_A^B \tilde{F} \cdot d\tilde{r}$  tidak bersandar pada lintasan C

di dalam R yang menyambung titik A dan B.

(20/100)

(ii) Buktikan pernyataan akas (converse) pada  
(i) itu benar.

(20/100)

(iii)  $\int_A^B \tilde{F} \cdot d\tilde{r} = 0$  sepanjang sebarang lengkung  
tertutup C di dalam rantau R.

(5/100)

(b) Jika C ialah suatu lengkung tertutup mudah di dalam  
satah xy yang tidak meliputi asal, tunjukkan bahawa

$$\oint_C \tilde{F} \cdot d\tilde{r} = 0$$

$$\text{di sini } \tilde{F} = \frac{-iy + jx}{x^2 + y^2}$$

(35/100)

(c) Jika  $\tilde{F} = \cos y i - x \sin y j - \cos z k$ , tunjukkan  
bahawa medan itu abadi.

(20/100)

4. (a) Tunjukkan bahawa bagi suatu permukaan tertutup S

$$\oint_S d\tilde{s} = 0 \quad (10/100)$$

(b) Jika  $\tilde{r}$  ialah suatu vektor kedudukan tunjukkan bagi  
suatu permukaan tertutup S

$$\oint_S \tilde{r} \times d\tilde{s} = 0 \quad (20/100)$$

... 4/-

(c) Jika  $\mathbf{f} = 4y \mathbf{i} + x\mathbf{j} + 2z \mathbf{k}$  nilaikan kamiran

$$I = \iint_S \nabla \times \mathbf{f} \cdot d\mathbf{s} \text{ di atas hemisfera } x^2 + y^2 + z^2, \\ z \geq 0. \quad (40/100)$$

(d) Tentusahkan teorem Green pertama, iaitu

$$\iiint_R (\phi \nabla^2 \psi + \nabla \phi \cdot \nabla \psi) dv = \iint_S \phi \nabla \psi \cdot d\mathbf{s}$$

di sini  $\phi$  dan  $\psi$  adalah fungsi skalar yang mempunyai terbitan selanjar tertib kedua di dalam suatu rantau  $R$  yang diliputi oleh permukaan tertutup  $S$ .

[perhatikan identiti  $\nabla \cdot (\phi \mathbf{f}) = \phi \nabla \cdot \mathbf{f} + \mathbf{f} \cdot \nabla \phi$ ]

(30/100)

- ooo0ooo -